

# Perluasan Makna Perkataan Bahasa Melayu Berasaskan Korpus Digital

Abdullah Yusof dan Mohd Ra'in Shaari

## Abstrak

Perluasan makna perkataan merupakan aspek penting dalam usaha menjamin agar bahasa Melayu terus hidup dan berkembang seperti bahasa utama yang lain di dunia. Dalam konteks perluasan makna, maka aspek psikolinguistik yang menekankan aspek minda perlu diberi perhatian oleh pengkaji-pengkaji bahasa. Berdasarkan integrasi erat antara bidang psikolinguistik dan perluasan makna ini, maka kajian ini akan memaparkan perluasan makna perkataan berasaskan korpus digital. Integrasi erat antara bidang psikolinguistik dan semantik dalam memberi perluasan makna perkataan dalam bahasa Melayu dapat memberi natijah yang baik ke arah perkembangan bahasa Melayu.

**Kata kunci:** perluasan makna, psikolinguistik, minda, integrasi, semantik

## *Abstract*

*Extension of meaning of the word is an important aspect in order to ensure that the Malay language to survive and grow like other major languages in the world. In the context of the expansion of meaning, the psycholinguistic aspects that emphasize the mind need to be addressed by researchers of language. Based on the close integration between psycholinguistics and the extension of this meaning, then this study will show the expansion of the meaning of words based on the digital corpus. Closer integration*

*between psycholinguistics and semantics to give the expansion in the Malay language meaning of the word can give a good result to the development of the Malay language.*

**Keywords:** *extension of meaning, psycho linguistic, mind, intergration, semantics*

## **Pengenalan**

Kepesatan bidang ilmu dan teknologi membolehkan bahasa Melayu disesuaikan dengan keperluan para pengguna bahasa. Dalam bidang yang khusus seperti pemerian makna bahasa Melayu, kini dengan perubahan zaman menjadikan sesuatu perkataan mendukung makna yang lebih besar berbanding dahulu dengan bantuan penggunaan teknologi perkomputeran. Jika dahulu sesuatu perkataan terhad dalam mendukung makna, tetapi kini dengan adanya penggunaan teknologi menyebabkan sesuatu perkataan dapat ditafsir dengan pelbagai makna. Oleh itu, untuk melihat sesuatu perluasan makna, penggunaan teknologi komputer amat diperlukan bagi merealisasikan perkembangan bahasa terutama yang melibatkan pemerian makna.

Perancangan korpus bahasa dalam proses pembinaan bahasa berkait rapat dengan usaha pembinaan dari segi kosa kata, istilah, tatabahasa, ejaan dan perkamusan agar menjadi sebuah bahasa yang mempunyai tahap kecekapan, tahap kecukupan, dan tahap penerimaan. Di Malaysia, persediaan awal dari segi perancangan bahasa berlaku sejak tahun 1956 apabila badan perancangan bahasa iaitu Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditubuhkan tahun 1956.

Usaha mengumpul data korpus bahasa Melayu berkomputer telah pun agak lama dimulakan di Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), terutamanya di Bahagian Penyelidikan Bahasa dan Bahagian Perkamusan. Menyedari peri pentingnya bahasa Melayu, maka DBP dipertanggungjawabkan untuk menjalankan program pembinaan bahasa bagi mencapai matlamat untuk membina, mengukuhkan dan meningkatkan korpus bahasa Melayu dalam bidang tatabahasa, peristilahan, laras bahasa dan ortografi.

Fokus kajian ini ialah mengkaji perluasan makna kata dalam bahasa Melayu dengan mengaitkan peranan psikolinguistik serta melihat penggunaan perkataan dalam konteks ayat yang pelbagai. Kata-kata dalam bahasa Melayu sememangnya memberi pelbagai makna jika diteliti secara lebih mendalam terutamanya melalui

dapatan yang diperoleh daripada data korpus berkomputer bahasa Melayu. Hal ini, sekali gus, membuktikan bahawa kosa kata atau perkataan yang terdapat dalam bahasa Melayu dapat memberikan makna yang lain berdasarkan konteks ayat yang diperoleh daripada baris-baris konkordans dan ayat yang terdapat pada pangkalan data korpus. Dalam konteks ini, untuk menjadikan bahasa Melayu terus berkembang, maka sewajarnya kosa kata bahasa Melayu diperluas maknanya supaya masyarakat tidak terikat dengan pentafsiran literal daripada kamus (Mohd Ra'in Shari dan Abdullah Yusof, 2008: 155).

### **Pernyataan Masalah**

Kamus Dewan telah digunakan secara meluas sama ada di peringkat sekolah, institusi pengajian tinggi serta jabatan dan agensi kerajaan. Di peringkat akademik, kamus tersebut menjadi rujukan asas kepada para guru dan pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sekian lama. Pelajar dan guru terutamanya lebih cenderung untuk melihat dan merujuk hukum atau peraturan tatabahasa dan juga makna perkataan dalam kamus ini.

Kecelaruhan dari segi tatacara penggunaan dan hukum-hukum yang terkandung dalam kamus ini terutama dalam memerikan makna perkataan atau entri menyebabkan kamus kurang dapat menjelaskan makna secara berpeda. Hal ini menimbulkan kekeliruan terhadap pengguna dan juga pengkaji bahasa.

Wittgenstein (1953) dalam S. Nathesan (1997:528) yang merupakan seorang ahli falsafah terkenal menyatakan bahawa makna kata tidak dapat diketahui kecuali dilihat dalam penggunaannya atau dalam konteks penggunaan. S. Nathesan (1997:529) menyatakan makna kata tidak akan menjelma selain dalam konteks penggunaan perkataan atau ayat dalam ujaran atau tulisan. Misalnya, ujaran kata 'cantik' amat kabur maknanya kecuali dinyatakan dalam satu konteks seperti diucapkan untuk memberitahu orang lain akan kecantikan seseorang, pandangan, benda dan sebagainya. Bagi kata adjektif 'bulat' juga turut memperlihatkan kepelbagaian makna jika dilihat dalam konteks yang pelbagai. Dengan wujud kepelbagaian konteks, kata adjektif ini mempunyai banyak makna bergantung kepada perkataan atau frasa yang wujud bersama-sama kata adjektif ini. Berdasarkan pernyataan tersebut, kata-kata dalam bahasa Melayu sememangnya mempunyai kepelbagaian makna jika dilihat dalam konteks penggunaan yang berbeza.

Pengkajian terhadap aspek perluasan makna kata dan mengaitkannya dengan ilmu psikolinguistik belum pernah dibuat oleh pengkaji lain dan ini merupakan cabaran buat pengkaji. Namun begitu, pengkajian perlu dilakukan supaya pengguna bahasa Melayu tidak keliru dan ragu-ragu apabila menggunakan kata-kata dalam bahasa Melayu pada masa hadapan.

## **Batasan Kajian**

Kajian ini tertumpu kepada bidang semantik dan psikolinguistik, yakni mengkaji perluasan makna kata dalam bahasa Melayu dengan mengaitkan dengan bidang psikolinguistik. Kajian ini membataskan kepada tiga perkataan dalam bahasa Melayu yang terdiri daripada kata nama, kata kerja, dan kata adjektif yang dipilih dalam pangkalan data korpus. Analisis akan dilakukan dengan melihat fungsi dan makna kata-kata tersebut dan penggunaannya dalam sesuatu ayat bahasa Melayu.

Perbandingan akan dilakukan dengan kamus dewan kerana paparan yang dikemukakan memaparkan makna kata secara literal sahaja tanpa melibatkan aspek konteks. Dapatan baharu ini menunjukkan bentuk penggunaan makna kata bahasa Melayu yang sebenar yang telah digunakan oleh masyarakat di Malaysia pada masa ini.

Pengkaji akan menyenarai dan menganalisis ayat-ayat yang terdapat kata-kata yang dikaji dan menyenaraikan hasil dapatan baharu. Kewujudan makna kata-kata ini akan dianalisis dan dijelaskan secara terperinci dalam kajian ini untuk memudahkan pembaca memahami makna sebenar sesuatu kata atau perkataan tersebut.

Sehubungan itu, kajian ini akan memaparkan dapatan baharu yang berada di luar lingkungan atau batas linguistik dalam memerikan makna kata bahasa Melayu. Justeru, kajian ini akan cuba memberi maklumat baharu dalam memaparkan makna kata bahasa Melayu melalui senarai contoh penggunaan ayat yang banyak diguna pakai oleh masyarakat melalui pangkalan data korpus berkomputer.

## **Kolokasi**

Kamus Linguistik (1997:135) menjelaskan kolokasi sebagai keadaan dua kata atau lebih yang dianggap sebagai butir leksikal yang tersendiri tetapi lazimnya dikaitkan antara satu sama lain dalam sesuatu bahasa.

Di samping itu, Abdullah Yusof dalam Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir et al. (2007:44) pula menyatakan bahawa kolokasi merujuk kepada kata-kata yang wujud sama ada sebelum atau selepas kata kunci yang berfungsi memberi konotasi makna yang berbeza apabila wujud dalam konteks ayat yang berbeza. Selain itu, menurut Bo Svensen (1993) dalam Abdullah Yusof dan Mohd Ra'in Shaari (2008:18), kolokasi adalah merujuk kepada suatu perkataan yang wujud secara bersama-sama. Berdasarkan keterangan di atas kolokasi merujuk perkataan yang wujud sama ada sebelum atau selepas kata kunci yang berfungsi memberi pelbagai maklumat linguistik.

## **Teori Relevans**

Teori relevans merupakan teori yang penting dalam menghuraikan permasalahan linguistik bahasa Melayu terutama yang melibatkan persoalan pemaknaan. Dalam konteks kajian ini, pemilihan teori ini dianggap tepat dalam memerikan perluasan makna kata dalam bahasa Melayu. Memandangkan kepentingan teori ini, dapat dirumuskan bahawa teori ini berwibawa dalam menghuraikan perluasan makna kata secara berpadu.

Relevans telah diperkenalkan oleh Sperber dan Wilson (1986 & 1995, edisi kedua). Teori relevans menganggap manusia merupakan makhluk yang istimewa yang mempunyai akal fikiran yang dikurniakan oleh Pencipta sejak azali lagi. Berdasarkan aspek ini, peranan psikolinguistik memperlihatkan bahawa peranan minda amat penting dalam pembinaan bahasa terutama dalam memerikan sesuatu makna perkataan. Dalam konteks ini terpulanglah kepada manusia bagaimana untuk memproses sesuatu maklumat tersebut dengan akal fikiran yang telah dikurniakan kepada mereka.

Teori relevans menekankan kepada kerelevanan sesuatu ujaran. Dalam konteks ini, teori ini memberi penekanan kepada penutur dan pendengar yakni kedua-dua mereka mestilah saling memahami bentuk ujaran antara satu sama lain semasa berkomunikasi (Nor Hashimah Jalaluddin 1991:476). Menurut Sperber dan Wilson (1986), dalam konteks berkomunikasi, terdapat dua perkara yang perlu diberi tumpuan agar komunikasi yang dilahirkan benar-benar berkesan antara penutur dan pendengar. Pertama ialah ujaran yang mempunyai ciri kejelasan atau bermanifestasi dan persekitaran kognitif. Ujaran yang bermanifestasi bermaksud bahawa sesuatu ujaran itu mestilah jelas dan

nyata agar mudah dikesan, dan difahami oleh pendengar. Aspek kedua ialah persekitaran kognitif yang merujuk kepada set-set fakta yang dibekal kepada individu yang terlibat semasa perbualan. Bagi pihak penutur, mereka akan membekalkan set-set fakta kepada pendengar untuk diproses dan kesan atau natijahnya bagi pihak pendengar ialah dapat mengubah persekitaran kognitif mereka untuk menerima kesan dan kesimpulan daripada ujaran penutur.

Kejayaan dalam sesuatu komunikasi seperti yang dijelaskan banyak bergantung kepada bagaimana sesuatu komunikasi itu disampaikan. Dalam konteks ini, peranan penutur dan pendengar tidak boleh dikesampingkan. Dalam teori relevans, prinsip ini menjadi keutamaan dan telah digelar sebagai prinsip relevans. Menurut prinsip ini, penekanan ialah kepada andaian asas, yakni kognisi manusia mestilah berorientasikan relevan. Dalam konteks perbualan, seseorang pendengar akan sentiasa memberi tumpuan kepada setiap maklumat yang relevan kepada diri mereka. Seterusnya penekanan diberi kepada kesan kepada perbualan. Ia merujuk kepada usaha memproses maklumat pada pihak pendengar. Dalam konteks ini, penutur akan cuba mencipta sesuatu atau mencipta segala pengharapan yang relevan kepada diri pendengar agar pendengar dapat mengintepretasi maklumat ujaran yang disampaikan oleh pihak penutur. Intepretasi yang terbaik dalam ujaran tersebut ialah yang dapat mematuhi pengharapan ini (Sperber dan Wilson 1986).

Berdasarkan kepentingan komunikasi antara pendengar dan penutur, maka kriteria-kriteria penting perlu diberi penekanan antara mereka. Bagi pihak pendengar umpamanya, mereka perlu memberi perhatian yang relevan dengan diri mereka. Menjadi kewajiban penutur agar memastikan ujaran mereka mengandungi maklumat yang setimpal dengan perhatian yang diberikan oleh pihak pendengar. Tugas penutur bukan sekadar mencipta ujaran tetapi harus memastikan maklumat yang relevan agar mudah ditanggap dan dihayati serta seterusnya mendapat perhatian pada diri pendengar. Apabila maklumat ini dapat dibekal sepenuhnya, maka ujaran yang dihasilkan benar-benar relevan serta mudah diproses oleh pihak pendengar.

Berdasarkan teori Relevans, penekanan diberikan kepada gagasan utama iaitu konteks, kesan konteks dan kos memproses serta dibantu oleh sub gagasannya seperti pengayaan, penyahtaksaan dan pemilihan rujukan. Prinsip relevans menekankan bahawa semakin banyak kesan konteks yang diperolehi, semakin kurang kos atau usaha memproses

maklumat yang diperlukan. Dengan demikian, sesuatu ujaran itu semakin relevan. Sebaliknya, jika sedikit pula kesan konteks yang diperoleh, semakin tinggi kos atau usaha memproses. Hal ini seterusnya menyebabkan makna ujaran tersebut menjadi semakin tidak relevan. Teori ini memberi penekanan banyak kepada peranan otak atau kognisi dalam proses komunikasi yang melibatkan penutur/penulis dalam menyampaikan mesej dan di pihak pendengar/pembaca dalam menganalisis mesej (Mohd. Ra'in Shaari 2003: 42).

## **Konteks**

Konteks adalah sebagai seberkas andaian yang dibina secara psikologi oleh pendengar yang tidak terhad kepada maklumat persekitaran fizikal yang paling dekat tetapi juga ujaran terdahulu yang paling hampir (Sperber dan Wilson 1986: 15-16). Pandangan yang agak sama telah dikemukakan oleh Gutt (1991: 25) iaitu konteks menurut beliau merangkumi persekitaran fizikal yang paling dekat, ujaran terdahulu atau terkemudian yang paling hampir mahupun perkara yang melibatkan masa depan, hipotesis saintifik, kenangan lucu, andaian tentang budaya, dan kepercayaan yang ada pada penutur. Konteks juga merupakan kemungkinan idea tentang dunia yang dapat dibina dari segi mental. Keterlibatan konteks yang merupakan proses mental ini dalam mengintepretasi sesuatu ujaran, maka konteks dapat dibina secara psikologi oleh pendengar (Hashim Musa 1998: 94).

## **Kesan Konteks**

Kesan konteks merupakan andaian awal yang dibina oleh pendengar/pembaca hasil daripada maklumat yang diterima daripada pihak penutur/buku dan sebagainya. Maklumat yang diterima oleh mereka pula merupakan maklumat yang relevan dengan diri mereka dan fenomena ini akan membentuk kesan konteks yang tinggi. Pendengar/pembaca mestilah bijak dalam usaha memperoleh kesan konteks yang tinggi dengan melakukan proses penguatan, penggabungan atau pengguguran maklumat yang diperoleh dengan andaian awal yang telah terbina pada diri mereka. Dengan kebijaksanaan pada diri pendengar/pembaca tersebut memungkinkan wujudnya pengintepretasian makna

yang tepat dan memenuhi cita rasa mereka. Untuk penjelasan dalam usaha memperoleh kesan konteks ini, Norhashimah Jalaluddin (2003) telah menggariskan beberapa proses yang perlu dilakukan oleh pihak penutur dan pendengar, antaranya ialah:

### **Penggabungan maklumat**

Proses ini berlaku kepada pihak pendengar/pembaca. Kebijaksanaan pendengar/pembaca amat penting dalam mengaitkan andaian awal yang terbina dengan maklumat baharu yang diterima oleh mereka daripada pihak penutur/buku. Dengan demikian, wujud satu keselarasan antara andaian awal dengan maklumat baharu yang diterima. Fenomena ini akan memungkinkan pendengar/ pembaca memproses maklumat dengan lebih mudah dan tepat.

### **Penguatan maklumat**

Proses ini juga berlaku kepada pihak pendengar/pembaca. Bagi pihak penutur, mereka sekadar membekalkan maklumat baru kepada pendengar/pembaca. Bagi pendengar/pembaca, proses berlaku apabila andaian awal yang terbina pada diri mereka dapat dikuatkan lagi dengan maklumat baharu yang dibekalkan oleh pihak penutur. Dalam proses berkomunikasi, maklumat baru ini penting dalam mengintepretasi makna ujaran dengan tepat dan jitu.

### **Pengguguran maklumat**

Pengguguran maklumat merujuk kepada berlakunya pertentangan maklumat antara andaian awal yang terbina pada diri pendengar/pembaca dengan maklumat baharu yang diterima oleh pihak mereka. Dengan wujudnya fenomena ini menyebabkan wujudnya pertentangan dari segi andaian pendengar terhadap sesuatu maklumat yang baharu diterima. Keadaan ini mewujudkan atau melahirkan suatu keadaan yakni maklumat-maklumat yang lemah akan digugurkan dan diganti dengan maklumat baharu bagi membentuk kesan konteks yang tinggi. Untuk memastikan sesuatu maklumat itu relevan, maka perlulah maklumat tersebut kaya dengan kesan konteks agar intepretasi makna tidak terganggu atau menghadapi masalah kepada pihak pendengar/pembaca.



## **Usaha Memproses Maklumat**

Kos memproses merujuk kepada usaha dalam mengintepretasi ujaran. Bagi pihak pendengar, merujuk kepada usaha memproses maklumat, manakala bagi pihak penutur pula merujuk kepada usaha bagi memastikan ujaran mereka dapat difahami oleh pendengar. Prinsip relevans menekankan bahawa semakin rendah usaha memproses maklumat, semakin relevan sesuatu ujaran dan begitulah sebaliknya jika semakin tinggi usaha memproses, semakin tidak relevan sesuatu ujaran. Dalam sesuatu komunikasi, kesukaran dalam memahami sesuatu ujaran pada diri pendengar sering dikaitkan dengan kos memproses yang tinggi manakala ujaran yang relevan pula sering dikaitkan dengan kos memproses yang rendah tetapi melahirkan kesan konteks yang tinggi. Dengan ini dapat dijelaskan bahawa untuk memperoleh sesuatu maklumat yang baik, maka ketiga-tiga gagasan tersebut merupakan kriteria penting yang perlu diberi perhatian oleh sama ada pihak penutur dan juga pendengar.

## **Data Korpus Kata Nama “MATA”**

### **1. Nilai**

Ringgit ditutup tinggi minggu ini berbanding \*\*\*mata\*\*\* wang utama lain.

### **2. Bidang atau subjek tertentu**

Salmiah dari Klinik Batu 9, Cheras pula berkata: ‘Di samping pembelajaran berdasarkan modul atau sukatan \*\*\*mata\*\*\* pelajaran dan pembelajaran yang disediakan oleh pensyarah, para pelajar juga berpeluang menjalani latihan di klinik-klinik kesihatan di samping mendekati masyarakat setempat melalui penyelidikan yang dijalankan.’ JUDUL : Hak Penjagaan Anak...

### **3. Sikap atau tabiat**

Pegawai-pegawai agensi penguat kuasa yang mendapat rasuah bagi memejam \*\*\*mata\*\*\* ke atas kegiatan melibatkan pendatang tanpa izin, juga harus didedahkan identiti kepada umum selain hukuman setimpal.

**4. Melepaskan lelah**

Apakah pelajar di Malaysia akan berpeluang merehatkan \*\*\*mata\*\*\* dan minda setelah penat menghadapi komputer di zaman sekolah bestari dengan bermain sambil belajar mencungkil bakat dengan penggunaan K'nex ?

**5. Peribahasa**

Keseronokan menyambut kehadiran cahaya \*\*\*mata\*\*\* sememangnya dinanti-nantikan oleh setiap pasangan suami isteri.

**6. Kemahiran seseorang atau profesion**

Beberapa bentuk promosi seperti perlawanan persahabatan bola keranjang, besbol dan bola sepak serta konsert hiburan seperti konsert Bee Gees dan ahli silap \*\*\*mata\*\*\* David Copperfield turut dirancang.

**7. Benda atau alatan perkakasan**

Empat jam kemudian, polis melepaskan gas pemedih \*\*\*mata\*\*\* ke dalam rumah bot itu dan seterusnya masuk ke dalam kediaman dua tingkat itu.

**8. Komunikasi**

‘Komunikasi yang jelas serta hubungan \*\*\*mata\*\*\* antara penceramah dengan murid-murid berjaya mengeratkan hubungan, dan seterusnya menarik penumpuan murid terhadap apa yang sedang disampaikan oleh penceramah.

**9. Penyakit mata**

Beliau menasihatkan mereka yang sukar bernafas dan sesak pernafasan, \*\*\*mata\*\*\* berair, hidung berair dan bersin serta sakit dada agar segera berjumpa doktor di klinik dan hospital untuk mendapat rawatan.

**10. Judul filem atau lagu**

Nama Shariff Medan terus kukuh apabila menyusul beberapa filem lain lakonannya seperti Salah Sangka Dahlia, Sultan Mahmud Mangkat Dijulang, Selamat Hari Raya, Pontianak Gua Musang, Setitis Air \*\*\*Mata\*\*\* di Garisan dan Seri Mersing.

**11. Pandangan Individu atau masyarakat tertentu**

“Dari kaca \*\*\*mata\*\*\* orang Jawa, filem ini bukan mengkritik. ia dianggap kritik oleh orang yang tidak sepatutnya duduk dikerusi itu tetapi dia duduk di situ,” kata Slamet dengan sinis.

**12. Pemandangan yang menarik**

Tinjauan Utusan ke HDTM mendapati kini hampir semua kawasannya dihiasi landskap indah dan menarik yang tidak menjemukan \*\*\*mata\*\*\* memandang.

**13. Renungan atau nasihat**

Pengikut Islam di Malaysia sekarang melebihi pengikut agama lain walaupun majoritinya tidak besar. Ingatlah sedikit, bukanlah \*\*\*mata\*\*\* dan hati kita bukan ramai sangat. Ekonomi kita lemah dan negara kita terdedah kepada berbagai-bagai tekanan.

**14. Kurang senang atau sakit hati**

Menunjukkan perlakuan antaranya ialah duduk berpelukan dengan pasangan bukan muhrim, berpakaian kurang sopan dan menjolok \*\*\*mata\*\*\* serta perbuatan keterlaluan pada adat dan penerimaan masyarakat serta duduk bergesel-geselan dengan pasangan bukan muhrim.

**15. Nama tempat**

Projek itu, di Jalan Bukit \*\*\*Mata\*\*\*, kawasan perniagaan utama dalam Segi Tiga bandaraya ini, mengandungi 24 tingkat ruang pejabat dan apartmen.

**16. Tidur**

Si anaknya pula seolah-olah memahami dan menghayati suara si ibu tadi hinggalah terlelap \*\*\*mata\*\*\*.

**17. Kecacatan pada mata**

Harga: RM8 BUTA \*\*\*mata\*\*\* bukan buta hati. Sudah tentu kita maklum bahawa ungkapan ini bermaksud kecacatan (penglihatan dan sebagainya) bukan penghalang orang cacat melakukan apa jua pekerjaan atau tanggungjawab sebaik mereka yang sempurna sifat.

**18. Meninggal dunia**

Berilah warga tua keyakinan untuk terus hidup, curahlah segala kasih sayang dan perhatian yang terdaya sebelum mereka menutup \*\*\*mata\*\*\*.

**19. Perasaan hati**

Ia mengandungi hikmat yang hanya dapat dilihat oleh mereka yang celik\*\*\*mata\*\*\* hatinya.

**20. Hilang Pekerjaan**

Pengurus A&R Matahari, Lan laga berkata peruntukan tersebut sebagai satu sumbangan amal kepada Zaiton yang telah hilang \*\*\*mata\*\*\* pencarian sejak terlibat dalam kemalangan tujuh tahun lalu.

**21. Bahagian berhampiran mata**

Kemudian tumit kaki diangkat, lalu digosok ke pelupuk \*\*\*mata\*\*\*.

**22. Menunjukkan sesuatu keadaan yang berlaku tidak dapat diubah lagi.**

Walaupun ibunya menangis hingga keluar air \*\*\*mata\*\*\* darah sekalipun, keadaan tidak akan berubah.

**23. Nama buah**

Barangan jualan mereka termasuk buah durian, langsung, rambutan, buah iso (buah \*\*\*mata\*\*\* kucing hutan), buah dabai, sayur-sayuran hasil kebun sendiri.

**24. Alat solek**

Pembayang \*\*\*mata\*\*\* tidak semestinya sedondon dengan pakaian.

**25. Baru bangun**

Celik \*\*\*mata\*\*\* tak buat benda lain.

**26. Tertumpu kepada satu perkara sahaja**

Kamariah yang mendapat galakan daripada suaminya itu berkata, wanita yang ingin menceburkan diri dalam apa jua

bidang perniagaan hendaklah ada pengetahuan dan perancangan yang teratur dan tidak hanya memikirkan keuntungan semata-  
\*\*\*mata\*\*\*.

### **27. Pertandingan dalam sukan**

Pada perlawanan pusingan pertama, Pahang terpaksa menerima hakikat menyerahkan tiga \*\*\*mata\*\*\* berharga kepada Perlis apabila tumpas 1-2 di gelanggang sendiri.

### **28. Bekerja bersungguh-sungguh**

Gelombang dan tiupan angin pantai seolah-olah memberikan gambaran jelas tentang pekerjaan Mohamad Yusuf, 78, yang lebih 50 tahun berseking \*\*\*mata\*\*\* mencurah keringat menjahit pukut di Kampung Perupok, Bachok di negeri Cik Siti Wan Kembang.

### **29. Sesuatu yang berlaku dengan pantas**

Apa yang berlaku baru-baru ini di Selangor dalam cara menangani masalah penyertaan gadis Islam dalam peraduan ratu cantik adalah jelas menunjukkan betapa pembinaan bertahun-tahun imej toleransi Islam dalam masyarakat majmuk boleh dicemarkan dengan sekelip \*\*\*mata\*\*\* oleh tangan yang tidak bijaksana menguruskan kuasa.

### **30. Reaksi seseorang**

Ketika ini hanya kebangkitan pemain-pemain senior yang menyerlah pada beberapa kejohanan besar seperti kejayaan pasangan Cheah Soon Kit-Yap Kim Hock meraih pingat perak pada Sukan Olimpik Atlanta tahun lalu dan Kejohanan Dunia di Glasgow, Mei lepas serta Rashid Sidek yang membawa pulang pingat gangsa dalam acara perseorangan Sukan Olimpik menjadi pembuka \*\*\*mata\*\*\* masyarakat tempatan dan antarabangsa bahawa mereka masih perlu digeruni.

### **31. Kiasan**

Pada 4 Februari lalu, Shahidan mengumumkan akan mengetuai sendiri wakil-wakil rakyat dan ketua-ketua jabatan kerajaan menyertai pasukan sukarela itu dengan matlamat serampang dua \*\*\*mata\*\*\* bagi menguatkan pertahanan negara dan memerangi masalah sosial di negara ini.

### 32. Sembunyi

Kedua, dia mungkin mengambil satu atau dua pekerja perempuan untuk mengaburi \*\*\*mata\*\*\*.

## Data Korpus Kata Kerja “Kahwin”

### 1. Jumlah mahar yang diberikan oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan semasa kahwin

77 hendaklah mampu membayar *mas* \*\*\*kahwin\*\*\*. Janganlah hendaknya ada BHHR60

### 2. Perkahwinan mengikut perjanjian

46 berkahwin secara mutaah atau \*\*\*kahwin\*\*\* *kontrak* seberapa banyak wani BHER41

### 3. Pelawaan ke majlis perkahwinan

22 rang Islam memenuhi *jemputan* \*\*\*kahwin\*\*\* dan beliau juga tidak membol BHCR98

### 4. Jamuan semasa majlis kahwin

20 n orang yang membuat *kenduri* \*\*\*kahwin\*\*\* adalah wajib, sedangkan yang BHCR98

### 5. Bangsal untuk jamuan di majlis kahwin

50 in baru saja memasuki *khemah* \*\*\*kahwin\*\*\* mereka pada malam itu, kata BHER16

### 6. Perkahwinan bersyarat iaitu jika berlaku perceraian, suami wajib memberi sesuatu kepada isterinya.

11 dapat menguntungkan rakyat. \*\*\*Kahwin\*\*\* *mutaah* mereka buat seketika BHBR25

### 7. Perkahwinan tanpa rela

41 menjadi isu hebat. Bagi saya, \*\*\*kahwin\*\*\* *paksa* satu kejahatan yang pa BHDR86

### 8. Perkahwinan tanpa restu daripada keluarga

75 uasa wali. Ada kes seperti \*\*\*kahwin\*\*\* *lari*, akad nikah dua kali, k BHHR59

**9. Perkahwinan dilewat usia**

93 tus. “Semakin ramai wanita *\*\*\*kahwin\*\*\* lambat* kerana mengutamakan p BHKR20

**10. Keramaian untuk pasangan pengantin**

2 t cerita; dijemput ke *majlis \*\*\*kahwin\*\*\**, kita kena layan; orang meng DS591

**11. Persiapan untuk majlis keramaian sesuatu perkahwinan**

5 raf Nusantara, Promosi *Kerja \*\*\*Kahwin\*\*\** dan Bisikan Aidilfitri. Pa BHAR74

**12. Lelaki yang berkahwin dengan dua orang perempuan**

15 caranya. Apakah setakat isu *\*\*\*kahwin\*\*\*, dua, tiga* atau empat saja? BHBR38

**13. Nikah untuk sehari**

39 nghadiri lima majlis kenduri *\*\*\*kahwin\*\*\* sehari* kerana secara puratan BHDR81

**14. Nikah untuk jangka waktu yang singkat**

48 rogram televisyen mempromosi *\*\*\*kahwin\*\*\* sementara* dan menyediakan ma BHER41

**15. Perempuan atau lelaki yang belum diijab kabul**

11 e arah temannya. “Kau *belum \*\*\*kahwin\*\*\*!* Aku belum kahwin,” katanya DS593

**16. Lelaki yang berkahwin dengan empat orang perempuan**

14 kah orang lelaki Islam boleh *\*\*\*kahwin\*\*\* empat!* Selesai masalah ka DS593

**17. Perkahwinan atas dasar cinta**

104 antin. Walaupun cabaran “*\*\*\*kahwin\*\*\* cinta*” agak besar sejak beb DB0499

**18. Perkahwinan atas ketentuan Tuhan**

105 beberapa dekad yang lalu, “*\*\*\*kahwin\*\*\* jodoh*” masih dapat bertahan DB0499

## Data Korpus Kata Adjektif "Baik"

**1. Telah sembuh dari kesakitan.**

1135 a. Satu hari, dua hari, akan *\*\*\*baik\*\*\* semula.*"Belum tentu. Saya B00371

**2. Sikap yang mulia.**

441 lalu sakit-sakit tetapi amat *\*\*\*baik\*\*\* hati.* Manakala perkataan yang B00318

**3. Kedua-duanya ada persamaannya.**

604 terdekat ialah anak- anaknya, *\*\*\*baik\*\*\* lelaki maupun perempuan.* Di B00317

**4. Sesuatu yang manis dan elok.**

943 un besar, baik ia buruk atau *\*\*\*baik\*\*\* laksana madu,* ia adalah satu B00321

**5. Saling bekerjasama dan bertolak ansur.**

2725 nderang di luar gua ... ayuh, *\*\*\*baik\*\*\* bersatu* sahaja dengan saya!" B00680

**6. Kelakuan yang betul-betul bersopan.**

1479 adat, yang berlainan bahasa. *\*\*\*Baik\*\*\* benar* budimu itu, tetapi iaka B00422

**7. Memperbaiki motokar seperti sedia kala.**

2408 dan dobi pakaian, bengkel *\*\*\*baik-pulih\*\*\* kenderaan* dan perkhidmatan

**8. Melarang daripada melakukan kesalahan.**

551 ata Syarak: menyuruh berbuat *\*\*\*baik\*\*\* menegah* berbuat jahat. Den B00317

**9. Perasaan ingin bersaing dalam merebut sesuatu kejayaan.**

624 (1969). Dia sudah bernasib *\*\*\*baik\*\*\* memenangi* kerusi negeri teta B00407

**10. Pengeluaran sesuatu secara yang berterusan.**

2811 g dan insuran telah bertambah *\*\*\*baik\*\*\* melalui* pengaliran keluar ber B00527



- 11. Pelbagai pilihan yang dapat dipilih.**  
2812 aysia dijangka akan bertambah *\*\*\*baik\*\*\* menerusi langkah bijak yang d*
- 12. Berjaga-jaga dari terkena sesuatu.**  
2669 g saja menegurku dan bicara *\*\*\*baik-baik\*\*\* mengenai kecerobohanku? Men B00642*
- 13. Bersopan dan beradab serta bercakap lemah-lembut.**  
2313 az atau sekalipun kena cerca, *\*\*\*baik\*\*\* budi bahasa, bijak bistari`i B00531 B00533*
- 14. Sikap saling memperingatkan antara satu sama lain.**  
790 tahu membezakan buruk dengan *\*\*\*baik\*\*\*. dan mengingatkan Tuhan dal*
- 15. Cara berjalan yang menggambarkan sikap perlakuan seseorang itu.**  
2769 tak-rentak yang diketahuinya; *\*\*\*baik\*\*\* rentak kakinya, rentak gawang B00680*
- 16. Ilmu berkaitan hal kerohanian yang berfaedah.**  
2870 aki. - Kebahagiaan itu ialah; *\*\*\*baik\*\*\* makrifatnya dengan ALLAH, bai B00642*
- 17. Cetusan idea yang berlegar-legar di dalam minda.**  
2936 lalu cenderung pada kebenaran *\*\*\*baik\*\*\* dalam fikiran, tindakan mahup B00642*
- 18. Perasaan ingin membunuh diri.**  
917 a Syed Hamid tarik diri lebih *\*\*\*baik\*\*\* gantung diri.” Seorang tem B00406*
- 19. Tingkah laku yang penuh beradap.**  
2923 sebelah matanya, yang sangat *\*\*\*baik\*\*\* pekertinya terhadap suaminya. B00642*
- 20. Semangat ingin mengecapi kejayaan.**  
2834 tinggal, kesudahan yang tidak *\*\*\*baik\*\*\* membungkus keyakinan anda. B00642*

**21. Kandungan yang elok di dalamnya.**

1107 acalah buku itu. Banyak yang \*\*\*baik\*\*\* isinya. Betul begitu, Cik Mu B00371

**22. Menyumpah seseorang.**

1930 lu!” “Bangsat!” ”\*\*\*Baik\*\*\* kau mampus daripada menipu ak B00572

**23. Pengajaran yang elok.**

1170 rsaing # menunjukkan teladan \*\*\*baik\*\*\* # dihormati # seantero duni B00333

**24. Sentiasa selamat dari sebarang kecelakaan.**

931 itu maka dia kurang *bernasib* \*\*\*baik\*\*\*. \$\$11 Demikian juga keadaan B00321  
B00642

**25. Perlakuan yang beradap.**

66 n sifat terbaik sangka, *sifat* \*\*\*baik\*\*\* \$\$261 hati, sifat timbang ra B00347

**26. Cara mengerakkan kaki dengan betul.**

1142 perlu datang. Semua *berjalan* \*\*\*baik\*\*\*. \$\$283 ”Cuma Bung Hashim ma B00371

**27. Kepercayaan dan keyakinan mengikut hati yang suci.**

167 Usman: ”Ini adalah *iktikad* \*\*\*baik\*\*\* Abu Bakar, Khalifah daripada B00307  
B00515

**28. Peluang yang terbuka luas.**

1443 n ibunya merupakan *kesempatan* \*\*\*baik\*\*\* baginya. Kesempatan ini Sali B00422

**29. Memasukkan sesuatu ke dalam ruang yang ada dengan tepat.**

1391 capa rengat yang disumbatkan \*\*\*baik-\*\*\* baik bersama botolnya di dala B00422

**30. Membuat keputusan dengan betul.**

2616 t jam tangannya. “*Fikirkanlah* \*\*\*baik-\*\*\* baik,” katanya lalu beredar. B00680

**31. Bercakap dengan menggunakan bahasa yang betul.**

2499 n bergambar dan *berbahasa* (\*\**baik-gambar*\*\*), baik-bahasa dan lemah-gam B00674

**32. Perjalan hidup yang mendatang penuh kegembiraan.**

2642 dan mempunyai *masa depan* yang \*\**baik*\*\* di Asia Tenggara. “Aku B00680

**34. Melekatkan sesuatu dengan tepat dan berhati-hati.**

1131 saya gunting, saya *tampal* \*\**baik-baik*\*\*. Fail itu mustahak.” Ibu B00371

## **Aplikasi Teori Relevans dalam Perluasan Makna Perkataan Bahasa Melayu**

### **Mata**

Berdasarkan kata tersebut, wujud sebanyak 32 perluasan makna. Ini memperlihatkan wujudnya perluasan makna yang begitu ketara dibandingkan dengan dapatan atau pemerian berdasarkan kamus.

Berdasarkan teori relevans, fenomena perluasan makna yang ketara ini dapat dihurai dengan pendekatan teoritis. Data kata ‘mata’ yang dihuraikan oleh kamus hanya terhad ruang lingkup huraian maknanya. Ini kerana pemerian makna ini berdasarkan tafsiran secara literal tanpa bukti konteks. Pemerian makna tidak mampu dihuraikan secara panjang lebar memandangkan pemerian makna berdasarkan nahu atau di peringkat kata sahaja di samping keterhadan dari segi ruang bagi menggambarkan makna yang lengkap. Di samping itu, tafsiran makna yang terkandung dalam sesebuah kamus tidak memasukkan aspek konteks memandangkan konteks bukan merupakan bidang atau batas-batas linguistik.

Data kata ‘mata’ yang didapati daripada korpus memperlihatkan perluasan makna. Perluasan makna ini berlaku dengan wujudnya bukti konteks yang melatari data kata ini. Dengan mengambil kira kewujudan kata ‘mata’ yang wujud dikelilingi oleh kata-kata sebelum dan kata selepas (kolokasi) akan membantu kata ini meluaskan makna yang terkandung di dalamnya. Berdasarkan kata ‘wang’ yang wujud selepas kata ‘mata’ akan mewujudkan makna ‘nilai’. Seterusnya apabila kata ‘mata’ berkolokasi dengan kata ‘pelajaran’

pula akan membawa maksud 'bidang atau subjek tertentu'. Begitu juga apabila kata 'mata' berkolokasi dengan kata sebelumnya iaitu kata 'memejam', ia membawa makna 'sikap atau tabiat'. Dalam data didapati kehadiran konteks perlu untuk mempertegas kehadiran perluasan makna yang terkandung dalam kata 'mata' tersebut. Konteks merupakan kriteria yang penting untuk menyokong sesuatu pernyataan yang sahih. Kehadiran konteks dalam data ini jelas menyokong perluasan makna kata dalam bahasa Melayu. Antara bukti konteks yang lain yang didapati dalam data ini ialah 'merehatkan', 'cahaya', 'ahli silap', 'gas pemedih', 'hubungan', 'berair', 'setitis air', 'dari kaca', 'tidak menjemukan', 'hati', 'menjolak', 'Bukit', 'terlelap', 'buta', 'menutup', 'celik', 'pencarian', 'pelupuk', 'darah', 'buah kucing hitam', 'pembayang', 'celik', 'tiga', 'bersekang', 'sekelip', 'pembuka', 'serampang dua', 'dan mengaburi'. Kesemua kata yang berkolokasi dengan kata 'mata' ini merupakan bukti konteks yang wujud secara bersama-sama. Kewujudan bukti konteks yang banyak ini akan membentuk kesan konteks yang tinggi. Dengan wujudnya kesan konteks yang tinggi tersebut maka kos memproses menjadi rendah yang dapat dikaitkan dengan mudah bagi pendengar mentafsir kata-kata tersebut yang memperlihatkan perluasan makna. Berbekalkan kesan konteks yang tinggi serta berkombinasi pula dengan kata yang wujud secara berkolokasi maka kewujudan perluasan makna bagi kata 'mata' akan terserlah.

## **Kahwin**

Berdasarkan data 'kahwin', huraian makna yang didapati dalam kamus sebanyak dua makna sahaja iaitu perikatan yang sah antara lelaki dan perempuan sebagai suami dan isteri. 'Kahwin' juga menurut kamus ini sebagai 'nikah'. Berdasarkan data korpus pula, sebanyak 18 perluasan makna kata 'kahwin' yang ditemui hasil daripada kewujudan kata ini dengan kata-kata yang wujud secara bersama atau berkolokasi. Secara teoritis, kewujudan kata yang wujud secara bersama atau berkolokasi ini ialah merupakan konteks yang didapati atau melatari kata 'kahwin'.

Dalam teori relevans yang diguna pakai dalam menjelaskan data ini, menjelaskan setiap andaian berorientasikan relevan. Ini bermakna dalam memerikan makna kata, pembaca akan hanya memberi tumpuan kepada maklumat yang relevan kepada diri mereka sahaja. Mana-mana maklumat yang kurang relevan akan dihindari bagi memperoleh kesan yang optimum. Dalam konteks ini juga, kerelevanan diambil

kira berdasarkan faktor konteks yang melatarinya sama ada konteks tersebut berbentuk suatu kata, frasa, ayat atau wacana. Di samping itu, konteks juga boleh diperoleh sama ada di dalam sesuatu ungkapan tersebut atau di luar sesuatu ungkapan atau ujaran. Kesemua maklumat konteks ini boleh diperoleh sama ada melalui penggabungan, pengukuhan atau pengguguran sesuatu maklumat, dan hasilnya akan terbentuk kesan konteks.

Berdasarkan data, konteks diperoleh dalam baris-baris konkordans dan ayat yang dipilih. Konteks yang diperoleh daripada data kata 'kahwin' berada sama ada di sebelah kiri atau sebelah kanan. Dengan wujudnya konteks atau kata yang berkolokasi dengan kata 'kahwin' akan memberi impak kepada perluasan makna bagi kata ini.

Konteks yang wujud bagi 'kahwin' ialah kata 'mas'. Berdasarkan kata 'mas' ini merujuk kepada jumlah mahar yang diberi oleh pengantin lelaki kepada pengantin perempuan semasa berkahwin. Apabila kata 'kahwin' diganding dengan konteks kata 'kontrak' akan melahirkan makna perkahwinan mengikut perjanjian. Seterusnya kata 'kahwin' yang menerima konteks kata 'jemputan' akan melahirkan makna pelawaan ke majlis perkahwinan. Antara bukti konteks lain yang melatari kata 'kahwin' ialah kata 'kenduri', 'khemah', 'mutaah', 'paksa', 'lari', 'lambat', 'majlis', 'kerja', 'dua', 'sehari', 'sementara', 'belum', 'empat', 'cinta', dan 'jodoh'. Kewujudan kata atau konteks yang wujud secara bersama-sama akan melahirkan perluasan makna bagi kata ini. Dengan wujudnya konteks yang pelbagai bagi kata 'kahwin' ini akan menyebabkan kesan konteks semakin tinggi. Mengikut teori relevans, semakin tinggi kesan konteks, semakin tinggi konteks yang diperoleh dan semakin tinggi kesan konteks akan menyebabkan kos memproses menjadi rendah. Merujuk kepada data ini, kos proses menjadi rendah lantaran wujudnya konteks yang melatari kata 'kahwin' yang wujud sama ada sebelum atau selepas kata ini. Dalam konteks ini, kos memproses merujuk kepada usaha untuk memahami sesuatu maklumat. Dengan wujudnya kejelasan dari segi konteks dan kesan konteks yang tinggi maka semakin relevan sesuatu maklumat tersebut. Sebaliknya jika konteks kurang jelas dan kesan konteks yang rendah menyebabkan sesuatu maklumat tersebut sukar diproses. Berdasarkan huraian tersebut, dapat dijelaskan bahawa, dalam teori relevans memberi penekanan kepada tahap pencapaian relevans yang optimum.

## Baik

Kamus Dewan Edisi Ketiga menjelaskan makna kata adjektif 'baik' kepada tujuh makna sahaja. Tafsiran makna ini dilihat tidak menggambarkan makna sebenar yang terkandung dalam kata tersebut. Melalui dapatan korpus, didapati sebanyak tiga puluh empat makna yang terhasil daripada kata ini. Perluasan makna yang terhasil daripada dapatan korpus dapat dihuraikan dengan pendekatan teoritis yakni dengan menggunakan teori relevans yang terkandung di dalamnya gagasan konteks, kesan konteks dan kos proses. Sebagaimana yang dihuraikan sebelum ini, peranan ketiga-tiga gagasan atau faktor ini memainkan peranan penting dalam memberi perluasan makna bagi kata-kata yang terdapat dalam bahasa Melayu.

Merujuk kepada data kajian, yakni kata adjektif 'baik', didapati bukti konteks yang melatari kata ini cukup banyak yang membolehkan atau mewujudkan perluasan makna bagi kata ini. Antara bukti konteks yang diperoleh daripada data kata adjektif 'baik' ini ialah 'semula', 'hati', 'lelaki', 'laksana madu', 'bersatu', 'benar', 'kenderaan', 'menegah', 'memenangi', 'melalui pengaliran keluar', 'menerusi', 'baik', 'budi bahasa', 'mengingati tuhan', 'rentak kakinya', 'makrifatnya', 'dalam fikiran', 'gantung diri', 'pekertinya', 'membungkus keyakinan', 'isinya', 'kau mampus', 'teladan', 'bernasib', 'sifat', 'berjalan', 'iktikad', 'kesempatan', 'disumbat', 'fikirkanlah', 'berbahasa', 'masa depan yang', dan 'tampal'. Berdasarkan kata atau konteks yang melatari kata adjektif 'baik' ini akan mewujudkan pelbagai tafsiran makna yang sangat berbeza dengan huraian makna daripada kamus.

Kewujudan bukti konteks ini akan mewujudkan kesan konteks yang tinggi. Mengikut prinsip relevans, mana-mana maklumat yang lemah atau tafsiran makna yang sempit yang didapati dalam kamus akan digugurkan melalui proses pengguguran, manakala maklumat baharu yang mempunyai keesahan dan kebenaran yang diperoleh daripada korpus akan diterima sebagai bukti konteks. Mengikut prinsip relevans, mana-mana maklumat yang lemah akan digugurkan dan mana-mana maklumat yang relevans akan diterima. Oleh itu, penerimaan maklumat yang relevan tersebut dapat dikaitkan dengan usaha memproses yang rendah dan mempunyai tahap kerelevanan yang tinggi.

Keadaan ini akan menimbulkan kesan konteks yang tinggi pada kata adjektif 'baik' ini. Prinsip relevans menegaskan, semakin banyak konteks dan kesan konteks yang tinggi yang dibekalkan, maka

semakin relevan sesuatu pernyataan yang diberikan. Ini ditambah pula dengan kos memproses yang rendah. Berdasarkan data, dengan wujudnya bukti konteks yang banyak, akan melahirkan kesan konteks yang tinggi. Keadaan ini akan melahirkan kos memproses maklumat menjadi rendah. Dengan demikian, pembaca dapat mentafsir dengan mudah makna yang terkandung daripada kata adjektif 'baik' dengan wujudnya konteks dan kesan konteks yang tinggi. Sebaliknya pembaca menjadi sukar mentafsir makna yang terkandung dalam tafsiran kamus memandangkan bukti konteks dan kesan konteks yang rendah.

## **Rumusan**

Berdasarkan dapatan kajian, didapati wujud perluasan makna bagi kesemua kata yang dikaji. Ini memperlihatkan bahawa wujud fenomena baharu dalam pentafsiran makna kata dalam bahasa Melayu. Fenomena ini akan menggalakkan perkembangan positif dalam bahasa Melayu dari segi perkembangan kosa kata, di samping wujud perluasan makna yang selama ini ditafsir secara literal oleh kamus. Dengan perkembangan korpus akan menggalakkan perluasan makna kata bahasa Melayu di peringkat global, khususnya dalam pentafsiran makna secara lebih lengkap dan tersusun. Apa yang lebih utama ialah dengan kegiatan perluasan makna ini, bahasa Melayu tidak jumud dan akan berkembang setanding dengan bahasa utama di dunia.

## **Rujukan**

- Abdullah Yusof dan Mohd. Rain Shaari. (2008). *Penyelidikan Bahasa dan Linguistik:Methodologi, teori dan analisis data*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd.
- Hashim Hj. Musa. (1993). *Binaan dan fungsi perkataan dalam Bahasa Melayu.Suatu huraian dari sudut tatabahasa generatif*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Kamus Linguistik. (1997). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir et.al., (2007). *Mengajar dan belajar bahasa Melayu. Kemahiran bernilai tambah Jilid 3*. Tanjong Malim: Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

- Noresah Baharom. (1993). Perkamusan Melayu dalam memenuhi wawasan 2020. Dlm. *Jurnal Dewan Bahasa*, 59-65.
- Nor Hashimah Jalaluddin. (1991). Keimplisitan Ujaran: Suatu analisis teori Relevans. *Jurnal Dewan Bahasa*. Jun: 474-483.
- S. Nathesan. (1997). Semantik dalam Bahasa Melayu: Satu pandangan. *Dewan Bahasa*, 41(1).525-529.
- Sperber D. & Wilson D., (1986). *Relevans: Komunikasi dan kognisi*. Terj. Nor Hashimah Jalaluddin. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.